

Terbeban tanggung kos diesel

Petani dakwa JPS tidak salur kemudahan bahan api sejak tiga minggu lalu

SABAK BERNAM – Petani yang mengusahakan tanaman padi di Bagan Terap, di sini kecewa kerana terpaksa menanggung kos minyak diesel bagi tujuan mengepam air ke sawah sejak tiga minggu lalu.

Hal ini disebabkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tidak lagi menyalurkan kemudahan itu kepada petani terabit.

Petani, Jumri Arsad, 40, berkata, sebelum ini, kos diesel bagi kegunaan pam air dibekalkan sepenuhnya JPS, tetapi bekalan minyak itu dihentikan tanpa mengetahui sebab dan puncanya.

Menurutnya, ramai dalam kalangan petani terpaksa membayar kos diesel RM10 hingga RM30 setiap minggu untuk membeli bahan bakar itu bagi membolehkan kawasan tanaman sawah mereka menerima air yang dipam daripada parit berhampiran.

"JPS memaklumkan

“Sistem tali air yang rendah menyebabkan air tidak sampai ke sawah yang jauh dan keadaan ini menyebabkan petani terpaksa guna pam air dari parit buang bagi membekalkan air ke tanah sawah.”

Jumri

bekalan diesel sudah kehabisan stok dan mereka tidak dapat bekalkan kemudahan itu buat masa sekarang dan kami tiada pilihan, selain terpaksa keluar wang poket sendiri untuk beli diesel,” katanya.

Jumri berkata, akibat masalah yang dihadapi itu, petani terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli diesel bagi mengelakkan risiko kepada tanaman padi mereka yang hanya menunggu masa



Jumri menunjukkan sebuah pam air yang memerlukan diesel bagi menyalurkan bekalan air ke sawah padi penduduk.

untuk dituai.

"Kita terpaksa beli diesel juga kerana jika air tidak dipam dan disalur ke sawah, kami bimbang hasil padi akan berkurangan, malah dikhuatiri rumput tumbuh dengan cepat dan padi mudah bantut," katanya.

Jumri berkata, antara kawasan terjejas teruk itu adalah di Blok F13 memandangkan kawasan itu tidak dapat menerima bekalan air kerana jaraknya jauh daripada punca tali air utama selain faktor cuaca panas.

"Sistem tali air yang rendah menyebabkan air tidak sampai ke sawah yang jauh dan keadaan ini menyebabkan petani terpaksa guna pam air dari parit buang bagi membekalkan air ke tanah sawah," katanya.

Selain itu katanya, sekiranya

masalah itu tidak ditangani segera, petani bimbang ia akan memberi kesan kepada pengeluaran hasil padi di kawasan itu kerana tidak mempunyai air mencukupi untuk disalur ke kawasan sawah.

"Kami terpaksa tanggung kos diesel pula, sedangkan kos ini adalah di bawah peruntukan JPS dan kita minta supaya ini dapat diatasi segera agar hasil pengeluaran dan kualiti padi tidak terjejas," katanya.

Sementara itu, Jurucakap JPS Sabak Bernam memberitahu, masalah itu dijangka selesai selewat-lambatnya minggu depan apabila pihaknya akan mendapatkan bekalan diesel itu daripada JPS Kuala Selangor.

"Perkara ini sedang dalam proses perbincangan dengan JPS Kuala Selangor dan dijangka masalah ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat," katanya.